# E-Buletin EKSA

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur & Putrajaya

EDISI 1/2020 15 MAC 2020


## Anugerah EKSA JKWPKL&P 2019

28 Februari 2020



Penyampaian hadiah bagi Anugerah EKSA JKWPKL&P untuk tahun 2019 telah diadakan pada 28 Februari 2020 bertempat di Foyer JKWPKL&P. Ia telah dilaksanakan oleh Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Paramjeet Singh, di hadapan para anggota JKWPKL&P yang berkumpul untuk perhimpunan pagi. Sebanyak 12 anugerah telah dipertandingkan, meliputi peringkat Jabatan, Pejabat Kesihatan dan Klinik. Tahniah diucapkan kepada pemenang-pemenang.

## Anugerah EKSA JKWPKL&P 2019

28 Februari 2020



Penyampaian hadiah bagi Anugerah EKSA JKWPKL&P untuk tahun 2019 telah diadakan pada 28 Februari 2020 bertempat di Foyer JKWPKL&P. Ia telah dilaksanakan oleh Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Paramjeet Singh, di hadapan para anggota JKWPKL&P yang berkumpul untuk perhimpunan pagi. Sebanyak 12 anugerah telah dipertandingkan, meliputi peringkat Jabatan, Pejabat Kesihatan dan Klinik. Tahniah diucapkan kepada pemenang-pemenang.

# E-Buletin EKSA

## Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

EDISI 1/2020 15 MAC 2020

### Pesta Jualan *Pre-Loved Clothing Items* EKSA JKWPKL&P
28 Februari 2020



Satu pesta jualan pakaian *pre-loved* telah diadakan pada Jumaat, 28 Februari 2020 bertempat di Foyer JKWPKL&P dari jam 10.30 pagi hingga 2.30 petang. Ia bertujuan untuk mengutip dana bagi kegunaan EKSA bahagian serta menggalakkan amalan kitar semula kepada anggota JKWPKL&P. Diharapkan agar acara ini dapat dijadikan sebagai acara tahunan dan mendapat sambutan yang lebih baik pada masa akan datang.

### Gotong Royong Perdana EKSA JKWPKL&P
6 Mac 2020



Gotong–royong Perdana EKSA telah berlangsung pada Jumaat, 6 Mac 2020 dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Ia bersempena dengan Audit EKSA dari ibu pejabat KKM yang dijadualkan pada akhir bulan Mac. Semua bahagian di JKWPKL&P telah bertungkus–lumus membersihkan bahagian masing-masing. Diharapkan agar acara ini dapat menanam sifat cintakan kebersihan serta memupuk sikap kerjasama dikalangan anggota JKWPKL&P